

Kritikan Seni: Suatu Tinjauan Terhadap Karya-Karya Mohamad Hoessein Enas Dan Syed Ahmad Jamal Sebagai Seni Warisan Bangsa Dan Budaya Melayu

Mohamad Kamal bin Abd. Aziz, Dr. Rahmah Bujang
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Shah Alam

Abstrak

Kritikan seni terhadap pengkaryaan dua orang tokoh pelukis Malaysia iaitu Syed Ahmad Jamal dan Mohd. Hoessein Enas kebanyakannya adalah mendasari tema-tema masyarakat dan budaya Melayu. Ia merangkumi perkara-perkara yang mempunyai kaitan atau gambaran berkenaan unsur-unsur sosial, politik, ekonomi, sastera, falsafah, nilai, norma, adat dan agama. Umumnya, tidak banyak usaha pendokumentasian dilakukan di negara ini bagi mengetengahkan aspek kritikan seni terutama melibatkan golongan pengkritik, sumbangan pemikiran, tatacara kepengkritikan serta pengumpulan sistem maklumat dalam membicarakan seni visual. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis aspek kritikan seni dari segi pengimejan dan makna dalam konteks budaya Melayu. Segala paparan mengenai kritikan seni diteliti untuk memberi wajah kepada aspek seni lukis tanah air. Melalui kajian sekunder, penelitian dibuat berdasarkan sumber-sumber perpustakaan, arkib serta catatan-catatan penulis. Ia melibatkan analisis secara intepretif sebagai timbal balik terhadap bahan-bahan penulisan mereka. Selain menjadi bahan pendokumentasian sejarah yang penting, kritikan seni sebenarnya mampu menjadi wadah pendidikan yang penting dalam mengutarakan budaya pemikiran kritis dan intelektual di kalangan masyarakat. Bidang kritikan seni sebenarnya boleh menjadi sajian minda yang mengagumkan dalam menyuburkan budaya ilmu berteraskan budaya, sekali gus mampu memberi impak kepada dunia seni visual dan masyarakat di Malaysia khususnya berkaitan dengan seni warisan bangsa dan budaya Melayu.

Kata kunci: Kritikan seni, budaya Melayu, seni visual

Pendahuluan

Meskipun asas seni visual sudah bertapak kukuh di Malaysia namun setelah 58 tahun negara mencapai kemerdekaan, bidang kritikan seni masih tumbuh dengan perlahan. Menyedari hakikat akan peranannya sebagai jambatan ilmu untuk menghubungkan antara karya pelukis dengan masyarakat, kritikan seni harus bergerak sejajar dengan pertumbuhan seni visual yang menjurus kepada pembangunan kesenian, pembentukan bangsa dan pembudayaan negara. Jelasnya, bidang tersebut sewajarnya menjadi tunjang kepada aspek teoritikal seni tanah air. Korpus ilmu pengetahuan dan maklumat berkaitan seni visual banyak tertumpu kepada seni catan serta sumber tulisan yang bersifat tekstual. Sewajarnya sudah wujud suatu sistem maklumat mengenai karya pelukis Malaysia yang memiliki ciri-ciri khusus untuk tujuan penyimpanan informasi atau pelestarian khazanah seni warisan bangsa dan negara. Golongan pelukis menjalani peranannya sebagai penterjemah kepada situasi alam sekeliling berasaskan kepekaan dan ketajaman pengamatan visual sementara pengkritik pula menggunakan ketajaman mata pena untuk mengutarakan sesuatu pendapat daripadanya (Ahmad Suhaimi Mohd. Noor, Jamilah Omar, 2008). Dalam erti kata lain, ilmu seni visual itu menjurus kepada pentafsiran secara subjektif manakala ilmu tekstual pula lebih terbuka sebagai objektif, rasional dan saintifik (Zanita Anuar, 2009).

Dalam kritikan seni, terdapat gambaran kasar mengenai suasana atau isu-isu berkaitan politik, ekonomi, sosial, sejarah, kesusasteraan, pemikiran, falsafah, nilai, keagamaan, kemanusiaan dan persekitaran yang melingkari kehidupan masyarakat semasa, tersimpul dan tersirat kemas di dalam karya. Masing-masing, di bahu mereka terpikulnya suatu tanggungjawab sosial yang besar terhadap pencarian dan pembentukan pembangunan manusia dari sudut dalamnya. Jika ilmu sains berteknologi tinggi memberi impak kepada membentuk tamadun manusia dari sudut luaran, justeru bidang seni pula mampu memacu manusia dari sudut dalamannya. Sejarah membuktikan bahawa ketamadunan sesuatu bangsa di dunia ini seringkali merujuk kepada pencapaian kegemilangan dan keagungan seninya. Dalam konteks ini, asas kemajuan manusia di seluruh dunia adalah dikesani melalui hasil kerja seni yang ditakrifkan sebagai roh kegemilangan tamadun seluruh abad. Kecemerlangan lazimnya dikagumi sama ada melalui kecekapan sentuhan berus, keindahan kimpalan logam atau gangsa, kehalusan adunan tanah liat atau marmar serta kepandaian menyepuh besi atau kaca, yang menjurus kepada pengiktirafan dunia terhadap kearifan seseorang seniman lalu akhirnya mengangkat atau menjulang keterbilangan sesuatu bangsa. Melalui seni dan kritikan seni terungkaplah gambaran kasar yang selari (*parallel impression*) tentang

suasana persekitaran dan masyarakat untuk sajian penonton mahupun pembaca. Langkah untuk meneliti serta memahami persoalan-persoalan atau isu-isu berkaitan seni visual dan budaya bangsa juga merupakan cabaran dan tugas berat buat pengkritik. Oleh yang demikian, atas dasar kepengkritikan itulah, perbicaraan seni itu diteliti, dirungkai dan diketengahkan bagi tujuan penyebaran, pelestarian dan pembangunan masyarakat, seni dan budaya.

Kertas kerja ini adalah menumpu kepada aspek penganalisaan kritikan seni terhadap pengkaryaan dua orang pelukis tersohor Malaysia iaitu Syed Ahmad Jamal dan Mohd. Hoessein Enas. Pemilihan kedua-dua tokoh pelukis ini adalah bersandarkan kapasiti serta impak pengaruh mereka selaku perintis atau pelopor kepada gaya realisme dan ekspresionisme di negara ini. Sumber teks penulisan serta data-data temu bual mengenai karya-karya pelukis adalah dirujuk mengenai apa dan bagaimana intipati pengkaryaan itu dikupas dan dibicarakan yang melibatkan interpretasi, analisis serta penilaian secara kritis terhadap bentuk dan makna seni sebagai perbicaraan ilmiah tentang seni.


Persoalan yang menjadi isu perbicaraan pengkritik ialah tentang karya seni yang mempunyai nilai warisan bangsa. Ertinya, melalui imej dan fakta yang dirakam dan ditulis, maka dapatlah dikemukakan cerminan latar budaya serta masyarakat yang dikaji. Setiap perakaman tersebut berperanan sebagai alat informasi dalam menterjemahkan sesuatu intipati budaya, aspirasi atau jati diri bangsa. Muliyadi Mahamood (1995) menjelaskan bahawa bidang kritikan seni berupaya meletakkan kepentingannya sebagai manifestasi pemikiran dan budaya dalam memacu pembentukan budaya kritis dan intelektual di kalangan masyarakat. Penulisan-penulisan mengenai hasilan karya seni pelukis perintis ikonik Syed Ahmad Jamal dan Mohd. Hoessein Enas memberi gambaran seolah-olah sejarah seni lukis moden Malaysia bermula dari situ.

Tafsiran pengkritik terhadap karya pelukis: Syed Ahmad Jamal

Ramai di kalangan pengkritik mengaitkan nama Syed Ahmad Jamal sebagai bertanggungjawab ke atas bermulanya era seni modenisme di negara ini. Penonjolan gaya seni yang dibawa adalah dianggap paling inovatif, tegas, berani dan menarik. Berikut itu, seni lukis moden Malaysia menjadi semakin meriah dan indah kesan daripada pembabitannya (Redza Piyadasa, 1994). Namun, Syed Ahmad Jamal adalah dianggap seorang pengkaji budaya dan seniman Melayu yang sentiasa berusaha untuk menghidupkan kembali zaman kegemilangan seni dan budaya Melayu

(Mohamed Ali Abdul Rahman, 2000). Kebanyakan penghasilan karyanya merupakan suatu titik tolak yang menjadi katalis dalam menggerakkan penerokaan dan pencarian makna terhadap seni rupa Melayu. Ia juga dianggap sebagai lambang kepada identiti budaya serta faktor penyatuan bangsa Melayu. Anurendra Jegadeva (2006), menjelaskan ciri-ciri kemelayuan kekal utuh di dalam kebanyakan karya Syed Ahmad Jamal.

Wujud suatu kecenderungan terhadap penggunaan aspek simbol, bentuk dan warna yang membentuk trend atau identiti dalam catan-catan Syed Ahmad Jamal iaitu bermula dari tahun 1970-an lagi. Terkesan daripada Gagasan Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971 yang mengariskan beberapa unsur untuk dijadikan landasan terbaik pengkaryaan. Gagasan tersebut meletakkan kebudayaan rakyat asal rantau ini sebagai pencetus atau teras terhadap penciptaan seni. Sementara itu, Islam sebagai tunjang atau paksi kepada penghayatan seni dilihat sebagai suatu tanggungjawaban yang perlu diisi. Meskipun Syed Ahmad Jamal merupakan pelopor pemikiran aliran seni baharu yang didatangi dari Barat di Malaysia, namun beliau sama sekali tidak meminggirkan pertalian antara ikatan seni dan budaya tanah air sebaliknya wujud penerapan konsep serta penggabungan pengaruh alam Melayu Nusantara yang mempunyai keperibadian tersendiri seperti yang termaktub dalam dasar kebudayaan kebangsaan. Hasilnya terciptalah karya-karya seni Syed Ahmad Jamal yang bersirikan “Gunung Ledang”, berunsurkan motif tradisi dengan penggunaan simbol segi tiga atau “tumpal” serta pengadunan seni khat dengan ciri-ciri keislaman.



Gambar: Syed Ahmad Jamal, “Mandi Laut” (1957),
Cat minyak atas papan, 112 x 87 sm. Koleksi: BSVN.


Tanggal 14 Februari 2009, menjelaskan peri pentingnya seni lukis diwartakan sebagai Warisan Negara. Dalam bingkisan watikah warisan tersebut tercatat karya Syed Ahmad Jamal “Mandi Laut” (1957) bersama karya Mohd. Hoessein Enas berjudul “Minah” (1958) diangkat sebagai Daftar Warisan Kebangsaan 2009. Menurut Mohamed Ali Abdul Rahman (2000), karya “Mandi Laut” (1957) adalah gambaran tentang nilai moral sekumpulan gadis Melayu ketika berada di tempat awam. Ia terselit mesej tentang norma dan sistem nilai budaya masyarakat Melayu di sebalik paparan ekspresi yang bersifat peribadi.

Lapan tahun selepas asas kebudayaan kebangsaan digariskan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971), pameran “Rupa dan Jiwa” (1979) tampil membuka lembaran baharu dalam dunia seni visual bersama-sama terbitnya buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sejajar dengan itu, pengisian seni menjadi lebih bermakna dalam mencari pengertian jati diri dan estetika Melayu. Pameran Syed Ahmad Jamal “Rupa dan Jiwa” (1979) adalah usaha untuk membina satu tradisi Melayu tulen dalam seni visual (Hasnul J. Saidon, 2009). Jelasnya, usaha pemupukan nilai budaya dalam membina identiti dan imej perlu kepada kefahaman tentang aliran pemikiran, falsafah dan pandangan dunia dalam menyusun dan membina asas ketamadunan budaya bangsa.



Gambar: Syed Ahmad Jamal, “Tun Mamat Mendaki Himalaya” (1984),
Akrilik atas kanvas, 299 x 168 sm. Koleksi: Bank Negara Malaysia.

Ekoran daripada peristiwa-peristiwa budaya ini maka terhasilah karya-karya berasaskan ikonografi Melayu tradisi dan Islam, seperti yang terdapat dalam karya Syed Ahmad Jamal yang berjudul "Gunung Ledang" (1978), "Sirih Pinang" (1982-86) dan "Semangat Ledang" (1999). Menurut ramai pengkritik, rangkaian legenda dan mitologi dalam karya Syed Ahmad Jamal begitu sarat dengan keindahan dan magis alam semula jadi. Karya "Tun Mamat Mendaki Himalaya" (1984), umpamanya adalah berasaskan kepada semangat lagenda Tun Mamat menjadi kunci inspirasi dengan Jalur Gemilang berwarna merah, putih dan kuning. Kaitan peristiwa dengan dunia Melayu tersebut adalah begitu bersimbolik yang melambangkan kekentalan jiwa budaya Melayu.



Rupa tumpal yang sering digunakan sebagai lambang dan konsep seni oleh Syed Ahmad Jamal.

T.K. Sabapathy & Redza Piyadasa (1983), mengesahkan bahawa kebanyakan karya Syed Ahmad Jamal adalah bermotifkan segi tiga dengan ciri-ciri pemikiran, keperibadian dan pandangan kosmopolitan pelukis. Peningkatan kecenderungan dan minat terhadap reka bentuk seni Melayu semakin meningkat semenjak terhasilnya buku 'Rupa dan Jiwa' (1992), yang memuatkan tentang aspek nilai dan estetik peribumi Melayu. Dalam konteks kesenian Melayu, konsep dan lambang 'gunung' adalah sama seperti rupa bentuk tudung saji, tepak sirih, susunan sirih, nasi ambang, sirih junjung dan pulut kuning. Motif segi tiga juga menyerupai pohon budi, pohon hayat, pohon Meru dan bunga semangat sebagai manifestasi alam semula jadi yang begitu dekat dengan rantau Asia Tenggara (Zainal Jaslan, 2003). Ghazali Abdullah (2007) pula menjelaskan segi tiga itu adalah sebagai suatu manifestasi semula jadi yang mencadangkan tapak yang stabil untuk ketauhidan berada dalam keadaan yang seimbang dan kukuh.



Gambar: Syed Ahmad Jamal, "Sirih Pinang" (1982),
Akrilik di atas kanvas, 199 x 199 sm. Koleksi: BSVN.

"Sirih Pinang" (1982) adalah bersandarkan adat dan tradisi dalam konteks budaya Melayu. Umumnya, sirih pinang merupakan sejenis kudapan pembuka bicara dalam urusan resmi adat dan adab Melayu. Daun sirih adalah lambang adat dan simbol dalam seni budaya dan istimewanya digunakan sebagai adat istiadat masyarakat Melayu. Sirih biasanya menjadi lambang atau adat bagi sesuatu majlis, menjadi penyeri wajah atau pengikat kasih dalam upacara-upacara perkahwinan, pertunangan dan sebagainya. Jelasnya, daun sirih memang dipandang sebagai alat budaya yang amat penting khususnya di dalam adat-adat Melayu.



Gambar: Syed Ahmad Jamal, "Semangat Ledang" (2003),
Akrilik pada kanvas, 203 x 274.5 sm. Koleksi: Balai Seni Visual Negara.

"Semangat Ledang" (2003), adalah berdasarkan kepada siri karya 'Gunung Ledang' yang menjadi lagenda dan simbol dari aspek alam semula jadi dan alam sekitar. Ia merupakan titik rujukan kepada kegemilangan pensejarahan empayar Melayu Melaka yang masyhur dengan watak Hang Tuah, Puteri Gunung Ledang dan Tun Mamat. "Semangat Ledang" menurut Siti Zainon Ismail (2012) bukan hanya berdiri sebagai mitos sejarah Melayu tetapi juga jauh di belakang telah wujud semangat dunia Melayu dengan simbol gunungan dan pucuk rebung sebagai motif yang

memperlihatkan jati diri dan kewujudan kesenian warisan (Muhamad Hanif Hafiz dan Fiqah Qari, 2012). Kebanyakan pengkritik menjelaskan bahawa karya Syed Ahmad Jamal adalah kontemporer yang kaya dan ampuh dengan jiwa Melayu dan Islam.

Tafsiran pengkritik terhadap karya pelukis: Mohd. Hoessein Enas

Mohd. Hoessein Enas, banyak menyalurkan nilai-nilai budaya bangsa dalam karya-karyanya sekali gus menseimbangkan persoalan tentang jati diri atau identiti bangsa. Sentuhan seninya adalah berpaksikan potret dan landskap sebagai penanda kebangsaan dengan mencipta identiti melalui pakaian, pekerjaan, adat resam dan imej yang digambarkan. Jelasnya, paparan seni itu adalah sebagai wadah atau media penting untuk menyalurkan nilai-nilai budaya bangsa (Mulyadi Mahamood, 2001). Rata-rata Mohd. Hoessein Enas mendukung konsep idealisme dan imejan orang-orang Melayu bagi menyanjungi etos budayanya. Komitmennya adalah tentang paparan isu-isu sosial dan usaha menyanjungi keindahan dan kemurnian citra Melayu. Usaha untuk mengupas mengenai imej serta mengaitkan diri dan identiti kebangsaan adalah sesuatu yang sangat bererti kepada pembentukan seni budaya bangsa. Menurut Siti Zainon Ismail dalam “Menanggap Identiti” (2012), menjelaskan unsur-unsur budaya jarang sekali terpisah daripada sikap pandangan dunia atau *world-view* dan etos Melayu

Menurut Izmer Ahmad (2012), *genre* figuratif yang dipelopori Mohd. Hoessein Enas merupakan sesuatu yang sangat diperlukan bagi mengangkat suara yang mewakili bangsa Melayu ke persada seni rupa. Wadahnya ialah menjulang “pemaparan swasadars falsafah bangsa Melayu”. Kecondongannya adalah kepada imej *representational* yang menggambarkan nilai kemegahan dan etos budaya Melayu yang baru muncul (T.K Sabapathy dan Redza Piyadasa, 1993). Karya-karya potret Mohd. Hoessein Enas mempunyai mesej dan signifikan tertentu dengan menunjukkan kepada dunia bahawa orang Melayu itu bangsa Asia yang cantik, lemah lembut dan menghormati nilai warisan budayanya mengatasi hal-hal lain. Menurut T.K Sabapathy (1979), karya-karya Mohd. Hoessein Enas menjadi lebih bermakna jika dilihat dalam konteks ini.



Gambar: Mohd. Hoessein Enas , „Gadis Melayu” (1959), Cat minyak atas kanvas, 55 x 45 sm. Koleksi: BSVN



Gambar: Mohd. Hoessein Enas , „Minah” (1958), Cat minyak atas kanvas, 43.5 x 35 sm. Koleksi: BSVN

Meneliti potret “Gadis Melayu” (1959) oleh Mohd. Hoessein Enas jelas merakamkan seorang gadis Melayu desa yang mempunyai rupa paras yang asli dan kaya dengan nilai-nilai kesederhanaan (Mulyadi Mahamood, 2001). Ertinya pengkritik menjelajahi lebih jauh untuk merakam perwatakan yang santun, sopan atau berbudi bahasa yakni melebihi aspek luaran. Dalam konteks budaya Melayu, golongan gadis mahupun wanita adalah dikenali sebagai kelompok yang berbudi bahasa, bersopan santun dan berhemah tinggi (Kamariah Kamarudin, 2006). Perkara ini penting kerana di dalam penghidupan orang Melayu, nilai seseorang itu adalah ditentukan oleh perlakunya. Semakin tinggi ia memegang kesantunan, semakin tinggi pula harkat, martabat, tuah dan maruahnya (Tenas Effendy, 2005). Maka dalam hal ini, masyarakat Melayu amat menjunjung tinggi seseorang yang baik rupa paras di samping memiliki sifat yang seimbang dari segi moral dan personalitinya. Di dalam potret ini, Mohd. Hoessein Enas cuba menimbulkan identiti kebangsaan dengan merakam imej figura tempatan secara *natural* atau semula jadi.



Gambar: Mohd. Hoessein Enas, "Meminang" (1964),
Cat minyak atas kanvas, 110 x 86 sm. Koleksi: Datin Siti Zahara Shafie.

Catan ini merupakan suatu rakaman tentang budaya Melayu dalam adat meminang. Melaluinya diperlihatkan tentang adat meminang yang masih mengekalkan tradisi lama (Siti Rohayah Atan, 1998). Karya "Meminang" (1964) menjelaskan tentang pengekalan tradisi lama tentang adat peminangan dengan ketertibannya. Objek atau alat budaya benda (*material*) seperti tepak sirih atau sireh junjung mempunyai tempat yang mulia dan istimewa dalam budaya Melayu (Syed Ahmad Jamal, 1992). Ia alat bagi tujuan menjunjung adat yang kaya dengan nilai dan falsafahnya tersendiri yang masih menjadi amalan bagi kebanyakan orang Melayu pada hari ini. Setiap kali berhadapan dengan karya-karya Mohd. Hoessein Enas, pengkritik pasti menjelaskan tentang apa yang dilukis bukan sekadar



Gambar: Mohd. Hoessein Enas, "Aida"
(1966), Pastel atas kertas, 56 x 44 sm,
Koleksi BSVN



Gambar: Mohd. Hoessein Enas,
"Peasant Girl" (1993), Pastel atas kertas,
48 x 32 sm, Koleksi: Penang Art Gallery.

rupa tetapi adalah gambaran sebenar wajah dan watak yang tersirat di sebalik imej itu. Jika diperhalusi, di sebalik keaslian kejelitaan gadis Melayu terceminnya sifat kelemah-lembutan dan kesantunan budi yang diadun menerusi raut wajah, pakaian dan posisi. Seorang gadis Melayu yang cantik, selain memiliki kesantunan verbal, mereka juga harus teliti tentang perlakuan etiket yang dikategorikan sebagai perlakuan yang santun yang merujuk kepada aspek ‘budi’ seseorang individu. Ketelitian tersebut diungkap melalui pandangan dualisme iaitu dari sudut luaran dan dalaman. Dalam konteks ini, masyarakat Melayu amat menjunjung tinggi seseorang yang memiliki rupa paras baik di samping memiliki sifat yang seimbang dari segi moral dan personalitinya. Menurut Mulyadi Mahamood (1995), pelukis secara jelas memperjuangkan falsafah seni nilai bangsa, justeru menampilkan karya-karya bernafaskan kemelayuan.



Gambar: Mohd. Hoessein Enas, “*Admonition*” (1959),
Cat minyak atas kanvas, 111 x 90 sm. Koleksi: Tenaga Nasional Berhad.

“*Admonition*” (1959), memperjelaskan tentang makna kesempurnaan imej bagi golongan wanita Melayu. Dalam kehidupan masyarakat Melayu, anak gadis tidaklah sebebas mana. Cara dan posisi duduk, beserta ekspresi wajah si bapa dan anak gadisnya memperjelaskan tentang aspek nilai dan adat budaya. Di sebalik paparan imej diri terangkum aspek ‘budi’ dan nilai citra dalam masyarakat Melayu terutama melibatkan soal jodoh dan masa hadapan. Jelasnya, kesantunan adalah nilai terbilang orang Melayu. Karya ini adalah suatu cetusan rasa yang melibatkan pegangan norma dan nilai budaya tradisi dalam masyarakat orang Melayu.



Gambar: Mohd. Hoessein Enas, “*The Harvester*” (1989), Pastel dan arang atas kertas, 58.7 x 47.9 sm. Koleksi: BSVN.



Gambar: Mohd. Hoessein Enas, “*Woman Pounding Paddy*” (1959), Pastel di atas kertas 50 x 37 sm. Koleksi: BSVN. . Koleksi: BSVN.

Karyanya memberi gambaran tentang peranan wanita dalam kerja-kerja tradisi turun-temurun masyarakat Melayu di kampung atau desa permai ketika musim menuai. Gambaran memperjelaskan tentang ekonomi dan teknologi Melayu tradisi yang diwarisi. Jelasnya dalam masyarakat Melayu, budaya tolong menolong merupakan budaya yang amat dititikberatkan sejak dari dahulu lagi. Konsep bergotong-royong serta berhubungan erat dalam masyarakat agraris yang selalu diamalkan dalam kerangka desa tanpa mengutamakan imbuhan. Ia adalah lambang kehidupan dan kegigihan anak gadis bangsanya yang membantu meningkatkan taraf kehidupan keluarga (Siti Rohayah Atan, 1998).



Gambar: Mohd. Hoessein Enas, “*Untitled*” (1967), Oil on masonite board, Koleksi: BSVN.

Dalam artikelnya berjudul “Yang terutama, Yang teragung”, pengkritik Ooi Kok Chuen (2011), menyatakan bahawa sesetengah karya seni

mempunyai kepentingan atau signifikan tertentu yang menyumbang kepada negara. Dalam karya Mohd. Hoessein Enas “*Untitled*” (1967) sewajarnya diangkat oleh pihak galeri sebagai karya yang berestetika dan beretika tinggi. Catan ini memaparkan dua orang perempuan, iaitu seorang anak gadis yang sedang belajar membuat kuih daripada ibunya dengan gambaran kasih sayang dan penuh berseni. Peristiwa sedemikian menjelaskan peranan masyarakat tradisi khususnya melibatkan golongan wanita yang rajin berusaha menambah punca pencarian bagi membantu pendapatan seisi keluarga. Imej tersebut kaya dengan nilai budaya Melayu tradisi.

Rumusan dan cadangan

Tahap kecelikan seni di kalangan masyarakat adalah penting dalam sebuah negara maju. Segala pendokumentasian tentang seni dan budaya itu perlu bergerak selari dengan pembangunan negara. Oleh yang demikian, disyorkan supaya lebih banyak maklumat mengenai seni dan budaya dijadikan sumber rujukan generasi muda pada masa hadapan. Pelbagai pendekatan dan pengaplikasian boleh dilakukan untuk memberi peluang kepada khalayak untuk menghayati dan menghargai seni negara. Tanpa usaha pendokumentasian dan pelestarian tersebut, mereka tidak akan terdedah atau akses kepadanya. Perlu ada sinergi kerjasama misalnya antara institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Balai Seni Visual Negara, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia serta Perbadanan Kota Buku untuk memperbanyakkan penerbitan bahan ilmiah sebagai langkah jangka panjang terbaik untuk pembangunan seni dan masyarakat.

Segala pengumpulan maklumat dan rekod berkaitan seni dan budaya ini perlu disimpan untuk menjadi rujukan penting. Signifikannya adalah sebagai rakaman peristiwa-peristiwa kesenian pada masa lalu untuk sumber sejarah dan budaya bangsa. Selain itu ia berperanan sebagai panduan dan penunjuk jalan bagi generasi masa kini dan masa akan datang untuk menghayati dan memahami sejarah seni visual dan budaya mereka sendiri. Sejajar dengan itu, semua aspek harus berada pada landasan yang mantap dan matang bagi mencerminkan ketamadunan sesuatu bangsa. Ini adalah kerana sejarah dunia membuktikan bahawa kegemilangan sesuatu tamadun itu banyak terletak kepada keunggulan seni budaya bangsanya. Justeru, bagi melahirkan lebih ramai pengamal, penggiat, karyawan, aktivis budaya dan seniman, pengkaji, pengkritik dan penulis yang terlatih, berilmu dan profesional maka pendekatan membina insan yang celik budaya ini tentu sekali boleh dipelbagaikan khususnya menerusi pendidikan seni budaya seperti yang disarankan oleh Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim suatu ketika dahulu (2006). Menurut Datuk Sri Utama

Dr. Rais Yatim (2006), melalui latihan seni budaya yang berteraskan amali dan teori, sesuatu masyarakat itu akan dapat menjelaskan modal insan berfikiran kritikal yang berhemah dan bertamadun tinggi.

Penutup

Mendekati kritikan-kritikan terhadap karya Syed Ahmad Jamal dan Mohd. Hoessein Enas, memperlihatkan asas perjuangan yang begitu setia berpaut pada keserasian dan kemurnian nilai budaya ketimuran khususnya tentang gambaran dunia dan falsafah Melayu. Persoalan mencari dan membina identiti sering menjadi perkara pokok terutama dalam konteks sosiobudaya dari dahulu hingga sekarang. Ertinya pembinaan imej bangsa, identiti budaya dan agama perlu berasaskan pandangan dari dalam, bukan sesuatu yang dibina oleh orang lain. Justeru itu, soal pencarian identiti dan jati diri terus menjadi agenda dan kupasan utama dalam kritikan seni tanah air.

Rujukan

- Adli Shahar (25 Mei 2012). *Sejarah kanvas emas*. Berita Harian.
- Ahmad Suhaimi Mohd. Noor (2007). *Sejarah Kesedaran Visual di Malaya*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Suhaimi Mohd. Noor, Jamilah Omar (19 – 20 Ogos 2008). *Perkembangan Seni Visual dalam Sejarah Perkembangan Sosial Negara*. Dalam Prosiding Sidang Seni SINI 08. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara
- Balai Seni Lukis Negara (2009). *Syed Ahmad Jamal: Pelukis*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Hasnul J. Saidon (2009). *Pengumpulan Karya Seni Syed Ahmad Jamal Sepanjang 55 Tahun, Syed Ahmad Jamal: PELUKUS*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Jegadeva, Anu (2006). *On and King's Road 10 New Panting's by Datuk Syed Ahmad Jamal*. Kuala Lumpur: Galeri Petronas.
- Mohamed Ali Abdul Rahman (2000). *Modern Malaysian Art: Manifestation of Malay Form and Content*. Shah Alam: Biroteks, Universiti Teknologi MARA.
- Mohd. Ghazali Abdullah (2007). *Ekspresionisme Dalam Karya-karya Syed Ahmad Jamal*. Dalam ASWARA (2007). Jurnal ASWARA. Jilid 2, Bil. 2/2007. Kuala Lumpur: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.
- Mulyadi Mahamood (1995). *Seni Lukis dalam Peristiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mulyadi Mahamood (2000). *Antara Langit & Bumi Syed Ahmad Jamal*. Kuala Lumpur: Galeri Petronas.
- Mulyadi Mahamood (2001). *Seni Lukis Moden Malaysia, Era Perintis hingga Era Pluralis (1930-1990)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mulyadi Mahamood (Mei 2000). *Kunang-Kunang Potret Diri Syed Ahmad Jamal*. Dewan Budaya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 63-65
- Nur Hanim Khairuddin, Beverly Yong with T.K. Sabapathy (2012). *Imagining Identities: Narratives in Malaysian Art Volume 1*. Kuala Lumpur: RogueArt.
- Ooi Kok Chuen (2011). *Yang Terutama, Yang Teragung. Senikini: Malaysia art now*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Rais Yatim (3 Ogos 2006). *Hala Tuju Pendidikan Budaya dan Warisan*. Ucaptama Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Majlis Perasmian Persidangan Seni Budaya dan Warisan, Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.
- Redza Piyadasa (1983). *Syed Ahmad Jamal. Modern Artists of Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Redza Piyadasa (1994). *On Origins and Beginnings dalam Vision and Idea: ReLooking*

Modern Malaysian Art. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.

Redza Piyadasa (1998). *'Discovering Identities' in Balai Seni Visual Negara, Rupa Malaysia: A Decade of Art 1987-1997.* Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.

Siti Rohayah Atan (4 April 1998). *Hoessein Enas: Sentuhannya tidak berganti.* Utusan Malaysia. hlm. 29.

Syed Ahmad Jamal (1992). *Rupa dan Jiwa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tan Chee Khuan (1994). *Perintis-Perintis Seni Lukis Malaysia.* Pulau Pinang: The Art Gallery.

Tan Chee Khuan (1999). *The Life and Art of Dato' Mohamad Hoessin Enas* Penang: The Art Gallery.

Tenas Effendy (2005). *Syarahan Za'ba, Sopan Santun Melayu – Bentuk dan Realiti Dalam Dunia Global.* Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

T.K. Sabapathy (Julai 1979). *Pelukis Modern Malaysia: Mohamad Hoessein Enas.* Dewan Budaya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 55-56.

T.K. Sabapathy dan Redza Piyadasa (1983). *Modern Artists of Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

T.K. Sabapathy (1994). *Syed Ahmad Jamal, A Historical Overview 1954-1994.* SARISENI 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

T.K. Sabapathy (1983). *Mohamed Hoessein Enas. Modern Artists of Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Jazlan (2003). *Datuk Syed Ahmad Jamal: Tokoh Seniman Negara Ke-2.* Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Zanita Anuar (2009). *The Artist, The Overseer, Syed Ahmad Jamal: Pelukis.* Kuala Lumpur: National Art Gallery.

Zanita Anuar (2009). *Nasi Lemak dan Seni Lukis Warisan Negara.* Art Show, Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.